

# Meraih Keberkatan Waktu Pagi

■ MUHAMMAD ALIF FITRI ABDUL HALIM

Setiap manusia diberikan 24 jam sehari semalam oleh Allah s.w.t. Namun, kadangkala kita tidak sedar kita mensia-siakan satu waktu ini. Waktu tersebut ialah waktu pagi.


Ada apa dengan waktu pagi? Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ya Allah, berkatilah umatku pada waktu pagi harinya.” (Riwayat Abu Dawud)

Bukan itu sahaja, apa yang menarik, perawi kepada hadis ini iaitu Sakhr al-Ghamidi berkata: “Rasulullah s.a.w. apabila mengutus pasukan tentera, Baginda akan melakukannya pada awal

menurut *Kamus Dewan*, waktu siang lebih bersifat umum memandangkan ia merujuk kepada waktu dari matahari terbit sehingga terbenam. Sebaliknya waktu pagi pula lebih spesifik iaitu dari matahari terbit kira-kira jam enam hingga 10 pagi.

Justeru, perkataan pagi lebih sesuai untuk menggambarkan isu fokus yang cuba diketengahkan kali ini iaitu bermula waktu subuh sehingga ke waktu duha. Sela waktu itu juga merupakan waktu untuk kita meraih keberkatan sebagaimana hadis Nabi tadi.

Adakah terdapat ayat al-Quran yang menyebut tentang waktu ini? Ya, ada.



kepada dua bahagian iaitu *al-nur* dan *al-diya'*. Dalam konteks ini, istilah *al-nur* merujuk kepada cahaya sinaran matahari yang wujud di langit sebelum terbitnya matahari. Manakala *al-diya'* pula merujuk kepada pancaran cahaya matahari sebaik sahaja terbitnya matahari. Berikut merupakan penjelasannya:

Ayat	Tafsiran
“Demi waktu fajar.” ( <i>Surah al-Fajr</i> 89: 1)	Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan waktu fajar ialah waktu subuh.
“Dan malam apabila ia hampir habis. Dan siang apabila ia mulai terang.” ( <i>Surah al-Takwir</i> 81: 17-18)	Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam kitab tafsirnya, <i>Mafatih al-Ghaib</i> menukilkan pendapat bahawa kedua-dua ayat ini merujuk kepada waktu awal terbitnya waktu pagi (fajar sadiq) dan waktu sempurnanya matahari terbit (syuruk).
“Demi waktu duha.” ( <i>Surah al-Duha</i> 93: 1)	Imam al-Baghawi menjelaskan waktu duha ialah waktu naiknya matahari yang mana ketika itu terdapat keseimbangan antara panas dan sejuk pada waktu pagi.

pagi.” Beliau (Sakhr) juga merupakan seorang peniaga dan mengirinkan barang perniagaannya pada waktu pagi. Akhirnya perniagaannya berkembang dan pendapatannya juga bertambah. (Riwayat Abu Dawud)

## Memahami Waktu Pagi

Dalam bahasa Melayu, waktu pagi juga disebut sebagai waktu siang. Namun,

Jadi, dapat difahami bahawa ketiga-tiga ayat ini merujuk kepada waktu pagi iaitu dari waktu subuh sehinggalah waktu duha. Itu dari segi nilai waktu yang berkat ini, kita juga perlu memahami waktu pagi dari sudut nilai cahaya juga.

Dalam ilmu falak, istilah cahaya dalam bahasa Arab juga terbahagi





Perbezaan nilai cahaya pada waktu pagi menandakan perbezaan juga dari segi saiz panjang bayang-bayang yang terhasil apabila terkena cahaya matahari. Malah ia juga bertepatan dengan firman Allah:

“Tidakkah engkau melihat kekuasaan Tuhanmu? - bagaimana Ia menjadikan bayang-bayang itu terbentang (luas luasnya) dan jika Ia kehendaki tentulah Ia menjadikannya tetap (tidak bergerak dan tidak berubah)! Kemudian Kami jadikan matahari sebagai tanda yang menunjukkan perubahan bayang-bayang itu; kemudian Kami tarik balik bayang-bayang itu kepada Kami, dengan beransur-ansur.” (Surah al-Furqan 25: 45-46)

### Waktu Pagi, Keberkatan dan Rezeki?

Jelas sekali dalam hadis di atas, Rasulullah s.a.w. mendoakan umatnya agar pagi mereka diberkati Allah.

Hal ini juga bertepatan dengan penggunaan perkataan *bukur* (بكور) yang bermaksud awal pagi sehingga terbitnya matahari. Syaikh Abu Usamah Salim

dalam kitabnya *Bahjah al-Nazirin Sharh Riyad al-Salihin* pula berkata, “Waktu yang terbaik dan berkat adalah pada awalnya. Maka, digalakkan untuk memburu waktu yang berkat itu pada setiap hari bagi mendapatkan keberkatan padanya.”

Manakala, Tuan Guru Haji Hanafiah Abdul Razak pula merumuskan bahawa ayat al-Quran di atas pula seolah-olah Allah menyuruh kita memahami dua sela waktu yang penting iaitu waktu sebelum terbitnya matahari dan selepas waktu terbitnya matahari.

Sebagaimana yang telah disebut tadi, terdapat perbezaan nilai cahaya matahari pada kedua-dua waktu tersebut. Apa yang menarik pula, perbezaan tersebut memberikan kesan yang besar kepada seluruh makhluk Allah di muka bumi kerana ia dikaitkan dengan soal rezeki. Waktu sebelum terbitnya matahari, umpama waktu rezeki diluluskan manakala apabila terbitnya matahari, waktu rezeki diagih-agihkan.

Benarkah waktu pagi dikaitkan dengan rezeki? Ya, benar. Bukankah Allah s.w.t. sendiri telah perakukan

“

*Menghidupkan waktu pagi merupakan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan amalan orang yang berjaya.*

”

dalam firman-Nya: “Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) - masa untuk mencari rezeki.” (Surah al-Naba’ 78: 11)

Timbul pula satu persoalan, apakah kaitan antara cahaya matahari dengan rezeki? Ya, dengan cahaya matahari segala makhluk Allah di muka bumi ini memulakan kehidupan. Begitu juga dengan proses alam semula jadi bermula sebaik sahaja cahaya matahari terbit di ufuk.

Itulah keberkatannya. Seluruh makhluk di alam ini memulakan kehidupan mereka menjelang pagi. Bagi manusia, Allah menyediakan waktu pagi untuk kita mencari rezeki. Tidakkah kita berasa malu dengan makhluk-makhluk Allah yang lain kerana masih lagi lena dibuai mimpi saat ini?

### Meraih Keberkatan yang Tak Akan Putus

Berbalik kepada hadis tadi, disebut bahawa menghidupkan waktu pagi merupakan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan amalan orang yang berjaya. Lihatlah Baginda Nabi melepaskan pasukan tentera pada waktu awal pagi. Begitu juga dengan seorang sahabat, Sakhr al-Ghamidi yang berjaya dalam perniagaannya dengan mengikuti sunah Baginda Nabi memulakan perniagaannya pada waktu pagi.

Jadi, boleh dikatakan untuk berjaya dalam hidup, perlu bermula seawal waktu pagi lagi. Waktu pagi perlu dihidupkan.

Jadi, jangan sia-siakan peluang ini. Raihlah sebanyak mungkin keberkatan agar hidup kita sentiasa diberkati Allah. **S**